

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan polisi dan usaha yang diperkenalkan bagi melindungi autoriti dan kedudukan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan badan penyelarasan di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

2. Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengikut pada Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) adalah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk

kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

3. Urusan dan hal ehwal fatwa di peringkat negeri adalah dibawah bidang kuasa negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh Mufti dan Majlis melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri serta melalui proses pewartaan adalah diiktiraf autoritinya berdasarkan peruntukan dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia.

4. Bagi peringkat Wilayah Persekutuan, hal ehwal fatwa dan urusannya tertakluk kepada Seksyen 34 Akta 505. Urusannya di bawah Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan.

5. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan sentiasa bersikap pro aktif dengan bekerjasama dengan Jakim dalam menyelaraskan fatwa-fatwa yg diputuskan dalam JKF MKI untuk diputus dan diwartakan di peringkat Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.